



29 Mei 2023
29 May 2023
P.U. (A) 166

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (PERKIRAAN HARGA AWAL) 2023

INCOME TAX (ADVANCE PRICING ARRANGEMENT) RULES 2023

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (PERKIRAAN HARGA AWAL) 2023

SUSUNAN KAEDAH-KAEDAH

Kaedah

1. Nama
2. Pemakaian
3. Tafsiran
4. Permintaan untuk mengadakan mesyuarat prapemfailan
5. Pengemukakan permohonan untuk perkiraan
6. Hal keadaan jika perkiraan harga awal ditolak
7. Penarikan balik permohonan perkiraan harga awal
8. Kuasa untuk meminta maklumat lanjut
9. Andaian kritikal
10. Pendapat oleh pakar bebas
11. Kesan perkiraan harga awal
12. Tempoh yang diliputi di bawah perkiraan harga awal
13. Permintaan untuk pemakaian ke belakang
14. Pemfailan laporan pematuhan perkiraan harga awal
15. Pelarasan ganti rugi
16. Kajian semula pematuhan perkiraan harga awal
17. Semakan perkiraan harga awal
18. Pembatalan perkiraan harga awal
19. Pemansuhan perkiraan harga awal
20. Pembaharuan perkiraan harga awal
21. Kerahsiaan maklumat
22. Establismen tetap sebagai suatu entiti berasingan
23. Fi dan bayaran lain
24. Pembatalan

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (PERKIRAAN HARGA AWAL) 2023

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 154(1)(*eb*) dan (*ec*) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama

1. Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Perkiraan Harga Awal) 2023**.

Pemakaian

2. (1) Tertakluk kepada Kaedah-Kaedah ini, pembayar cukai yang menjalankan transaksi rentas sempadan boleh memohon kepada Ketua Pengarah untuk suatu perkiraan harga awal berhubung dengan suatu transaksi yang diliputi bagi terma dan syarat yang ditetapkan.

(2) Permohonan yang dibuat kepada Ketua Pengarah di bawah subkaedah (1) hendaklah tertakluk kepada yang berikut:

- (a) bagi pembayar cukai yang menjalankan transaksi rentas sempadan dengan orang yang berkaitan—
 - (i) dari negara yang mempunyai perkiraan yang dibuat di bawah seksyen 132 Akta, hanya boleh memohon perkiraan harga awal dua hala atau perkiraan harga awal pelbagai hala; atau
 - (ii) dari negara yang tidak mempunyai perkiraan yang dibuat di bawah seksyen 132 Akta, hanya boleh memohon perkiraan harga awal sehala; atau

(b) bagi perkiraan yang dibuat di bawah seksyen 132 Akta, establismen tetap hanya boleh memohon perkiraan harga awal dua hala atau perkiraan harga awal pelbagai hala yang permohonan itu hendaklah dibuat oleh ibu pejabatnya bagi pihak establismen tetap kepada Ketua Pengarah.

(3) Bagi maksud subkaedah (1), harga pindahan selengan berkenaan dengan perkiraan harga awal hendaklah ditentukan mengikut—

(a) seksyen 140A Akta;

(b) Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Harga Pindahan) 2023 [P.U. (A) 165/2023]; dan

(c) perkiraan yang dibuat di bawah seksyen 132 Akta.

Tafsiran

3. Dalam Kaedah-Kaedah ini—

“establismen tetap” hendaklah mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya dalam perkiraan yang dibuat di bawah seksyen 132 Akta;

“metodologi harga pindahan” ertinya metodologi sebagaimana yang diperuntukkan dalam Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Harga Pindahan) 2023;

“pembayar cukai” ertinya orang yang boleh ditaksirkan dan dikenakan cukai di bawah Akta;

“perkiraan harga awal” ertinya suatu perkiraan yang dibuat untuk menentukan lebih awal suatu set kriteria yang sesuai untuk memastikan harga pindahan selengan bagi suatu transaksi yang diliputi;

“perkiraan harga awal dua hala” dan “perkiraan harga awal pelbagai hala” ertinya perkiraan harga awal seperti yang ditentukan dalam perkiraan yang dibuat di bawah seksyen 132 Akta;

“perkiraan harga awal sehala” ertinya perkiraan harga awal seperti yang ditentukan mengikut perkiraan yang dibuat di bawah seksyen 138C Akta;

“Pihak Berkuasa Berwibawa” ertinya Pihak Berkuasa Berwibawa yang dirujuk dalam apa-apa perkiraan yang dibuat di bawah seksyen 132 Akta;

“tempoh yang diliputi” ertinya tempoh asas bagi suatu tahun taksiran yang diliputi di bawah perkiraan harga awal;

“transaksi yang diliputi” ertinya transaksi rentas sempadan yang diliputi dalam perkiraan harga awal.

Permintaan untuk mengadakan mesyuarat prapemfailan

4. (1) Pembayar cukai hendaklah membuat suatu permintaan secara bertulis kepada Ketua Pengarah untuk mengadakan suatu mesyuarat prapemfailan berkenaan dengan suatu perkiraan harga awal dua belas bulan sebelum hari pertama tempoh yang diliputi yang dicadangkan.

(2) Bagi maksud subkaedah (1), pembayar cukai hendaklah mengemukakan bersama dengan permintaan itu, suatu draf rangka mengenai perkara itu kepada Ketua Pengarah yang mengandungi butiran-butiran yang berikut:

(a) dokumentasi harga pindahan semasa sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Harga Pindahan) 2023;

(b) nama, alamat dan rujukan fail cukai pembayar cukai dan orang lain yang terlibat dengan cadangan perkiraan harga awal sama ada di dalam Malaysia atau di luar Malaysia;

- (c) cadangan transaksi yang diliputi;
- (d) cadangan tempoh yang diliputi oleh perkiraan harga awal;
- (e) metodologi harga pindahan yang dicadangkan disertai dengan suatu penjelasan sama ada metodologi itu mematuhi prinsip selengan;
- (f) suatu perihalan tentang andaian kritikal yang metodologi harga pindahan dan analisis yang berhubungan dengan andaian kritikal akan beroperasi dan keadaan yang patut diambil kira semasa mempertimbangkan andaian tersebut;
- (g) penyata kewangan dan pengiraan cukai yang tersedia sekurang-kurangnya tiga tahun terakhir sebelum permohonan;
- (h) pernyataan bertulis sekiranya pendapatan yang berkait dengan transaksi yang diliputi adalah dikecualikan cukai oleh Pihak Berkuasa Berwibawa yang lain;
- (i) nama, nombor telefon dan e-mel orang yang boleh dihubungi untuk syarikat itu; dan
- (j) apa-apa butiran lain sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(3) Apabila menerima draf rangka mengenai perkara itu daripada pembayar cukai, Ketua Pengarah boleh menghendaki pembayar cukai untuk mengemukakan apa-apa maklumat lain yang berhubung dengan permintaan untuk mengadakan suatu mesyuarat prapemfailan.

(4) Ketua Pengarah hendaklah memberitahu pembayar cukai dalam tempoh empat belas hari selepas mesyuarat prapemfailan itu tentang keputusannya sama ada pembayar cukai boleh meneruskan untuk mengemukakan suatu permohonan untuk perkiraan harga awal.

Pengemukakan permohonan untuk perkiraan

5. (1) Tertakluk kepada subkaedah 4(4), pembayar cukai boleh mengemukakan kepada Ketua Pengarah suatu permohonan untuk perkiraan harga awal sehala, perkiraan harga awal dua hala atau perkiraan harga awal pelbagai hala dalam borang di bawah subseksyen 138c(2) dan seksyen 152 Akta dalam tempoh enam bulan selepas penerimaan pemberitahuan itu.

(2) Apabila permohonan diterima, Ketua Pengarah hendaklah mempertimbangkan permohonan itu dan boleh mencadangkan suatu metodologi alternatif, atau mengehendkan atau meluaskan skop perkiraan harga awal yang dicadangkan.

(3) Bagi maksud subkaedah (1), suatu permohonan itu adalah dianggap telah ditarik balik oleh pembayar cukai jika permohonan itu tidak dimasukkan dalam tempoh enam bulan selepas penerimaan pemberitahuan keputusan oleh Ketua Pengarah di bawah subkaedah 4(4).

(4) Tertakluk kepada subkaedah (3), jika pembayar cukai berniat untuk meneruskan permohonan itu, pembayar cukai harus memasukkan permintaan baharu bersama draf rangka yang dinyatakan di bawah subkaedah 4(2).

Hal keadaan jika perkiraan harga awal ditolak

6. (1) Ketua Pengarah boleh menolak suatu permohonan untuk perkiraan harga awal di bawah apa-apa hal keadaan yang berikut:

- (a) kegagalan untuk mematuhi Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Harga Pindahan) 2023;

- (b) jika transaksi yang diliputi yang dicadangkan adalah berdasarkan keadaan yang diandaikan atau tidak difikirkan secara serius;
- (c) jika ia kelihatan seperti suatu penggunaan sumber yang tidak efisien untuk meneruskan perkiraan harga awal jika transaksi yang dicadangkan adalah terhad dari segi jenis dan nilai, atau prinsip selengan ke atas transaksi yang dicadangkan itu boleh digunakan dengan pasti tanpa keraguan material;
- (d) jika perkara yang mengenainya perkiraan harga awal itu dipohon adalah tertakluk kepada suatu rayuan di bawah seksyen 99 Akta;
- (e) jika transaksi yang diliputi yang dicadangkan melibatkan suatu skim pengelakan cukai; atau
- (f) jika cadangan transaksi yang diliputi itu melibatkan penggunaan yang tidak sepatutnya atau salah guna penggunaan perkiraan yang dibuat di bawah seksyen 132 Akta untuk mendapatkan manfaat yang tidak sepatutnya.

(2) Jika permohonan perkiraan harga awal itu ditolak, Ketua Pengarah hendaklah memberitahu pembayar cukai secara bertulis tentang keputusannya untuk menolak permohonan itu dan alasan permohonan itu ditolak.

(3) Pembayar cukai boleh, dalam tempoh tiga puluh hari daripada penerimaan keputusan di bawah subkaedah (2), membuat suatu representasi kepada Ketua Pengarah untuk mengkaji semula permohonan pembayar cukai dan keputusan Ketua Pengarah ke atas representasi itu adalah muktamad.

Penarikan balik permohonan perkiraan harga awal

7. Pembayar cukai boleh menarik balik suatu permohonan perkiraan harga awal pada bila-bila masa sebelum perkiraan itu dimuktamadkan dengan memberikan suatu notis secara bertulis kepada Ketua Pengarah.

Kuasa untuk meminta maklumat lanjut

8. (1) Ketua Pengarah atau Pihak Berkuasa Berwibawa boleh, pada bila-bila masa, meminta pembayar cukai untuk mengemukakan maklumat lanjut dan dokumen yang difikirkan berkaitan oleh Ketua Pengarah atau Pihak Berkuasa Berwibawa dengan permohonan yang dikemukakan.

(2) Sekiranya permintaan untuk maklumat lanjut dan dokumen pada mana-mana peringkat perkiraan harga awal tidak dipenuhi dalam tempoh tiga puluh hari, permohonan tersebut hendaklah dianggap sebagai telah ditarik balik oleh pembayar cukai dan sekiranya pembayar cukai berniat untuk meneruskan permohonan itu, pembayar cukai haruslah mengemukakan permintaan dan maklumat yang baharu di bawah subkaedah 4(2).

Andaian kritikal

9. (1) Pembayar cukai hendaklah, dalam permohonannya untuk suatu perkiraan harga awal, mengenal pasti andaian yang dibuat dalam membangunkan metodologi harga pindahan yang dicadangkan yang kritikal kepada kebolehpercayaan metodologi itu di bawah prinsip selengan.

(2) Dalam kaedah ini, “andaian kritikal” ertinya apa-apa kriteria andaian objektif yang boleh memberi kesan secara signifikan kepada terma suatu perkiraan harga awal sekiranya keadaan yang menjadi asasnya berubah, sama ada perubahan itu adalah dalam kawalan orang itu atau tidak, yang boleh termasuk apa-apa fakta atau keadaan berkenaan dengan orang itu, suatu pihak ketiga, atau suatu industri, seperti suatu strategi perniagaan atau suatu cara pengendalian operasi yang baru, atau penghentian atau pemindahan suatu segmen perniagaan atau entiti, atau hal keadaan yang akan memberi kesan secara material kepada kesesuaian metodologi harga pindahan itu atau pemakaiannya.

Pendapat oleh pakar bebas

10. (1) Pembayar cukai boleh, atas kos dan perbelanjaan sendiri, mendapatkan khidmat pakar bebas, jika difikirkan perlu oleh pembayar cukai bagi menasihatinya mengenai permohonan untuk perkiraan harga awal.

(2) Pendapat pakar bebas itu tidaklah mengikat pembayar cukai, Ketua Pengarah atau Pihak Berkuasa Berwibawa.

(3) Dalam kaedah ini, “pakar bebas” ertinya seseorang yang mempunyai kemahiran atau pengetahuan khusus yang berkaitan dengan sesuatu perkiraan harga awal.

Kesan perkiraan harga awal

11. Jika—

(a) Ketua Pengarah dan pembayar cukai telah membuat perkiraan harga awal sehalai; atau

(b) Pihak Berkuasa Berwibawa telah membuat perkiraan harga awal dua hala atau perkiraan harga awal pelbagai hala,

perkiraan itu hendaklah, semasa tempoh yang diliputi, membentuk suatu aku janji yang mengikat pihak-pihak kepada perkiraan itu bahawa harga pindahan yang dipastikan bagi tempoh yang diliputi ditentukan mengikut perkiraan itu.

Tempoh yang diliputi di bawah perkiraan harga awal

12. Tempoh yang diliputi di bawah perkiraan harga awal hendaklah merupakan suatu tempoh minimum tiga tahun taksiran dan maksimum lima tahun taksiran.

Permintaan untuk pemakaian ke belakang

13. (1) Tertakluk kepada subkaedah (3), pembayar cukai boleh meminta kepada Ketua Pengarah suatu pemakaian ke belakang untuk perkiraan harga awal dua hala atau perkiraan awal pelbagai hala jika—

(a) cadangan metodologi harga pindahan itu adalah berkaitan dengan ketetapan isu harga pindahan dalam tahun-tahun taksiran sebelumnya; dan

(b) fakta dan hal keadaan tertentu yang berlaku sepanjang tahun taksiran sebelumnya itu sebahagian besarnya adalah sama dengan tempoh yang diliputi, tertakluk kepada pengesahan melalui audit.

(2) Bagi maksud kaedah ini, “pemakaian ke belakang” ertinya pemakaian terma dan syarat suatu perkiraan harga awal bagi tahun-tahun taksiran sebelumnya.

(3) Pemakaian ke belakang hendaklah dibenarkan tidak melebihi dari tiga tahun taksiran terakhir sebelum tempoh yang diliputi.

(4) Bagi maksud kaedah ini, pemakaian ke belakang adalah tidak terpakai jika—

(a) audit cukai telah dilakukan oleh Ketua Pengarah untuk tahun-tahun taksiran sebelumnya;

(b) pengakuan sukarela untuk kes harga pindahan telah dikemukakan oleh pembayar cukai untuk tahun-tahun taksiran sebelumnya;

(c) perkara yang mengenainya perkiraan harga awal itu dipohon telah diputuskan oleh Pesuruhjaya Khas atau mahkamah; dan

(d) melainkan dinyatakan sebaliknya di dalam perkiraan harga awal, pembayar cukai tidak menyerahkan pengiraan cukai terpinda untuk tahun-tahun pemakaian ke belakang dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh perkiraan harga awal ditandatangani.

Pemfailan laporan pematuhan perkiraan harga awal

14. (1) Jika pembayar cukai telah membuat suatu perkiraan harga awal, pembayar cukai itu hendaklah mengemukakan kepada Ketua Pengarah suatu laporan pematuhan untuk setiap tahun taksiran tempoh yang diliputi dan laporan itu hendaklah dikemukakan dalam tempoh tujuh bulan dari tarikh berikutan penutupan tempoh perakaunan yang membentuk tempoh asas bagi tahun taksiran itu.

(2) Laporan pematuhan yang disebut dalam subkaedah (1) hendaklah termasuk—

- (a) suatu salinan penyata kewangan teraudit yang berkaitan bagi pembayar cukai, dan dalam hal perkiraan harga awal dua hala atau perkiraan harga awal pelbagai hala, suatu penyata yang sama oleh orang lain yang terlibat dalam transaksi yang diliputi itu;
- (b) suatu salinan laporan dan analisis yang termasuk struktur pemilikan oleh entiti dalam dan luar negara yang terlibat dalam transaksi yang diliputi, carta organisasi tempatan, butiran berkenaan transaksi yang diliputi dan butiran berkenaan perjalanan transaksi yang diliputi;
- (c) suatu laporan mengenai transaksi yang diliputi yang berkaitan dan amaun yang dikehendaki untuk dilaporkan masing-masing oleh pembayar cukai dan, dalam hal perkiraan harga awal dua hala atau perkiraan harga awal pelbagai hala, suatu laporan yang sama oleh orang lain yang terlibat dalam transaksi yang diliputi itu;
- (d) suatu perihalan tentang apa-apa perubahan yang material dalam kaedah atau prinsip perakaunan kewangan atau cukai yang digunakan berkenaan dengan transaksi yang diliputi yang berlainan daripada kaedah atau prinsip yang dinyatakan dalam perkiraan harga awal, dan jika tiada apa-apa perubahan yang material, suatu pernyataan yang mengesahkan keadaan itu;
- (e) suatu perihalan tentang apa-apa kegagalan dan sebab bagi kegagalan itu untuk memenuhi suatu andaian kritikal dan jika tiada apa-apa kegagalan, suatu pernyataan yang mengesahkan keadaan itu;

- (f) suatu analisis tentang apa-apa pelarasan ganti rugi yang dikehendaki di bawah perkiraan harga awal, dan cara bayaran berkaitan yang telah atau akan dibuat;
- (g) catatan perakaunan relevan berkaitan pelarasan ganti rugi untuk pembayar cukai dan entiti asing untuk memastikan yang kedudukan ekonomi dan cukai harga selengan tersebut adalah sejajar;
- (h) semua maklumat dan pengiraan yang perlu bagi menyokong pemakaian metodologi harga pindahan bagi transaksi yang diliputi dan keputusan yang mematuhi metodologi harga pindahan untuk tahun taksiran tersebut;
- (i) semua dokumen yang berkaitan dengan hal keadaan tertentu pembayar cukai dan orang lain yang terlibat dalam transaksi yang diliputi; dan
- (j) dokumen berkaitan lain sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

Pelarasan ganti rugi

15. Jika keputusan transaksi yang diliputi adalah berlainan secara material daripada perkiraan harga awal, pembayar cukai hendaklah membuat suatu pelarasan ganti rugi untuk memastikan bahawa keputusan transaksi yang diliputi itu sebahagian besarnya selaras dengan keputusan yang akan dicapai sekiranya metodologi harga pindahan yang dipersetujui di bawah perkiraan harga awal itu dipakai.

Kajian semula pematuhan perkiraan harga awal

16. Ketua Pengarah hendaklah mengkaji semula laporan pematuhan perkiraan harga awal untuk memastikan sama ada terma dan syarat yang dinyatakan dalam perkiraan itu telah dipatuhi.

Semakan perkiraan harga awal

17. Ketua Pengarah boleh menyemak suatu perkiraan harga awal di bawah mana-mana hal keadaan yang berikut:

- (a) kegagalan pembayar cukai untuk memenuhi andaian kritikal sebagaimana yang diperuntukkan dalam perkiraan itu; atau
- (b) terdapat perubahan kepada undang-undang atau perkiraan yang dibuat di bawah seksyen 132 Akta yang memberi kesan kepada perkiraan harga awal.

Pembatalan perkiraan harga awal

18. (1) Ketua Pengarah atau Pihak Berkuasa Berwibawa, mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh membatalkan suatu perkiraan harga awal di bawah mana-mana hal keadaan yang berikut:

- (a) jika mana-mana orang dalam transaksi yang diliputi berkenaan dengan perkiraan itu gagal untuk mematuhi mana-mana terma atau syarat perkiraan harga awal itu;
- (b) jika mana-mana orang dalam transaksi yang diliputi berkenaan dengan perkiraan itu membuat kesilapan atau kesalahan dalam permohonan, laporan atau pengemukaan pembaharuan perkiraan harga awal;
- (c) jika mana-mana orang dalam transaksi yang diliputi berkenaan dengan perkiraan itu gagal untuk menyediakan maklumat, dokumentasi dan laporan pematuhan sebagaimana yang dikehendaki di bawah Kaedah-Kaedah ini;
- (d) jika perkiraan harga awal yang telah dinilai semula itu tidak dimuktamadkan; atau

(e) jika perkiraan harga awal dua hala atau perkiraan harga awal pelbagai hala yang dimasuki dengan Pihak Berkuasa Berwibawa lain yang menyertai telah dibatalkan.

(2) Pembayar cukai boleh memohon kepada Ketua Pengarah bagi pembatalan perkiraan harga awal atas alasan yang munasabah.

(3) Ketua Pengarah atau Pihak Berkuasa Berwibawa hendaklah memberitahu pembayar cukai atau Pihak Berkuasa Berwibawa yang lain tentang pembatalan itu secara bertulis dan alasan bagi pembatalan itu.

(4) Pembatalan itu hendaklah berkuat kuasa pada permulaan tempoh asas bagi tahun taksiran yang berkaitan dengan hal keadaan yang diperuntukkan dalam subkaedah (1) dan (2).

Pemansuhan perkiraan harga awal

19. (1) Ketua Pengarah atau Pihak Berkuasa Berwibawa, mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh memansuhkan suatu perkiraan harga awal sekiranya—

(a) mana-mana orang dalam transaksi yang diliputi berkenaan dengan perkiraan itu—

(i) membuat apa-apa salah nyataan, fraud, peninggalan atau membuat pernyataan palsu atau mengelirukan dalam permohonan, laporan atau pengemukaan pembaharuan perkiraan harga awal; atau

(ii) gagal untuk mendedahkan berlakunya sebarang pendedahan sukarela, siasatan, audit atau kelulusan insentif; atau

- (b) perkiraan harga awal dua hala atau perkiraan harga awal pelbagai hala dengan Pihak Berkuasa Berwibawa lain yang menyertai telah dimansuhkan.

(2) Ketua Pengarah atau Pihak Berkuasa Berwibawa hendaklah memberitahu pembayar cukai atau Pihak Berkuasa Berwibawa yang lain tentang pemansuhan itu secara bertulis dan alasan bagi pemansuhan itu.

(3) Pemansuhan itu hendaklah berkuat kuasa dari hari pertama tempoh asas pertama bagi tahun taksiran tempoh yang diliputi.

Pembaharuan perkiraan harga awal

20. (1) Pembayar cukai boleh meminta Ketua Pengarah atau Pihak Berkuasa Berwibawa untuk memperbaharui suatu perkiraan harga awal tidak lewat dari enam bulan sebelum tamatnya perkiraan itu dengan mengemukakan dokumen sokongan yang sesuai sebagaimana yang dikehendaki bagi permintaan dan permohonan perkiraan itu.

(2) Perkiraan harga awal boleh diperbaharui di bawah terma dan syarat yang serupa jika—

- (a) tiada perubahan dalam fakta dan hal keadaan yang menjadi dasar perkiraan harga awal;
- (b) andaian kritikal yang dikenal pasti oleh pembayar cukai di bawah kaedah 9 masih sah dan berkaitan; dan
- (c) pembayar cukai telah mematuhi terma dan syarat perkiraan harga awal terdahulu.

(3) Ketua Pengarah atau Pihak Berkuasa Berwibawa hendaklah memberitahu pembayar cukai tentang keputusannya berkenaan dengan permintaan itu secara bertulis dan alasan bagi keputusan itu.

(4) Tertakluk kepada subkaedah (3), pembayar cukai boleh menyerahkan kepada Ketua Pengarah suatu permohonan untuk memperbaharui perkiraan harga awal dalam borang di bawah subseksyen 138c(2) dan seksyen 152 Akta dalam tempoh dua bulan selepas menerima keputusan bertulis Ketua Pengarah.

(5) Permohonan yang dinyatakan di bawah subkaedah (4) hendaklah dianggap telah ditarik balik oleh pembayar cukai sekiranya permohonan itu tidak diserahkan dalam tempoh dua bulan yang dinyatakan itu dan jika pembayar cukai berniat untuk meneruskan permohonan tersebut, pembayar cukai hendaklah memasukkan permintaan baharu melalui subkaedah (6).

(6) Pembayar cukai boleh memfailkan suatu permintaan baharu bagi perkiraan harga awal jika—

- (a) transaksi yang diliputi telah berubah;
- (b) terdapat perubahan yang material dan dijangka berlaku dalam fakta dan hal keadaan transaksi yang diliputi; atau
- (c) metodologi harga pindahan yang berbeza dicadangkan.

Kerahsiaan maklumat

21. Semua maklumat yang diperoleh oleh Ketua Pengarah atau Pihak Berkuasa Berwibawa berkenaan dengan proses perkiraan harga awal tertakluk kepada peruntukan kerahsiaan dalam Akta dan perkara mengenai pertukaran maklumat bagi perkiraan yang dibuat di bawah seksyen 132 Akta.

Establismen tetap sebagai suatu entiti berasingan

22. Bagi maksud Kaedah-Kaedah ini, suatu establismen tetap hendaklah dianggap sebagai suatu entiti berbeza dan berasingan daripada ibu pejabatnya dan cawangan yang berkaitan.

Fi dan bayaran lain

23. (1) Pembayar cukai hendaklah membayar—

(a) berkeenaan dengan suatu permohonan untuk perkiraan harga awal di bawah kaedah 5—

(i) fi permohonan yang tidak boleh dibayar balik—

(A) berjumlah lima ribu ringgit yang hendaklah disertakan bersama dengan permohonan sekiranya permohonan tersebut dibuat dalam tempoh dua bulan selepas penerimaan pemberitahuan di bawah subkaedah 4(4) Kaedah-Kaedah ini; atau

(B) berjumlah sepuluh ribu ringgit yang hendaklah disertakan bersama dengan permohonan sekiranya permohonan tersebut dibuat selepas dua bulan tetapi dalam tempoh enam bulan selepas penerimaan pemberitahuan di bawah subkaedah 4(4) Kaedah-Kaedah ini; dan

(ii) apa-apa perbelanjaan sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah; dan

(b) berkeenaan dengan suatu permohonan untuk pembaharuan perkiraan harga awal di bawah kaedah 20—

(i) fi permohonan yang tidak boleh dibayar balik berjumlah lima ribu ringgit yang hendaklah disertakan bersama dengan permohonan itu; dan

(ii) apa-apa perbelanjaan sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(2) Fi dan bayaran yang dinyatakan dalam perenggan (1)(a) dan (b) hendaklah kena dibayar walaupun pembayar cukai menarik balik permohonan itu.

Pembatalan

24. Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Perkiraan Penentuan Harga Awal) 2012 [P.U. (A) 133/2012] dibatalkan.

Dibuat 23 Mei 2023

[MOF.TAX.(S)700-2/1/210; PN(PU2)80/JLD.108]

ANWAR BIN IBRAHIM
Menteri Kewangan

[Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 154(2) Akta Cukai Pendapatan 1967]

INCOME TAX ACT 1967

INCOME TAX (ADVANCE PRICING ARRANGEMENT) RULES 2023

ARRANGEMENT OF RULES

Rule

1. Citation
2. Application
3. Interpretation
4. Request for pre-filing meeting
5. Submission of application for arrangement
6. Circumstances where advance pricing arrangement is declined
7. Withdrawal of advance pricing arrangement application
8. Power to request further information
9. Critical assumptions
10. Opinion by independent expert
11. Effect of advance pricing arrangement
12. Covered period under advance pricing arrangement
13. Request for rollback
14. Filing of advance pricing arrangement compliance report
15. Compensating adjustments
16. Review of advance pricing arrangement compliance
17. Revision of advance pricing arrangement
18. Cancellation of advance pricing arrangement
19. Revocation of advance pricing arrangement
20. Renewal of advance pricing arrangement
21. Confidentiality of information
22. Permanent establishment as a separate entity
23. Fees and other payment
24. Revocation

INCOME TAX ACT 1967

INCOME TAX (ADVANCE PRICING ARRANGEMENT) RULES 2023

IN exercise of the powers conferred by paragraph 154(1)(*eb*) and (*ec*) of the Income Tax Act 1967 [Act 53], the Minister makes the following rules:

Citation

1. These rules may be cited as the **Income Tax (Advance Pricing Arrangement) Rules 2023**.

Application

2. (1) Subject to these Rules, a taxpayer who carries on a cross-border transaction may apply to the Director General for an advance pricing arrangement in relation to a covered transaction for specified terms and conditions.

(2) An application made to the Director General under subrule (1) shall subject to the following:

- (a) for a taxpayer who carries on a cross-border transaction with an associated person—
 - (i) from a country having an arrangement made under section 132 of the Act, may only apply for a bilateral advance pricing arrangement or multilateral advance pricing arrangement; or
 - (ii) from a country that does not have an arrangement made under section 132 of the Act, may only apply for a unilateral advance pricing arrangement; or

- (b) for an arrangement made under section 132 of the Act, a permanent establishment may only apply for a bilateral advance pricing arrangement or multilateral advance pricing arrangement where such application shall be made by its head office on behalf of the permanent establishment to the Director General.

(3) For the purposes of subrule (1), the arm's length transfer prices in respect of an advance pricing arrangement shall be ascertained in accordance with—

- (a) section 140A of the Act;
- (b) the Income Tax (Transfer Pricing) Rules 2023 [*P.U. (A) 165/2023*];
and
- (c) the arrangements made under section 132 of the Act.

Interpretation

3. In these Rules—

“permanent establishment” shall have the same meaning assigned to it in the arrangement made under section 132 of the Act;

“transfer pricing methodology” means the methodology as provided in the Income Tax (Transfer Pricing) Rules 2023;

“taxpayer” means a person who is assessable and chargeable to tax under the Act;

“advance pricing arrangement” means an arrangement made to determine in advance the appropriate set of criteria to ascertain the arm's length transfer prices of a covered transaction;

“bilateral advance pricing arrangement” and “multilateral advance pricing arrangement” means an advance pricing arrangement as determined in accordance with the arrangement made under section 132 of the Act;

“unilateral advance pricing arrangement” means an advance pricing arrangement as determined in accordance with the arrangement made under section 138C of the Act;

“Competent Authority” means the competent authorities referred to in any arrangement made under section 132 of the Act;

“covered period” means the basis period for a year of assessment covered under the advance pricing arrangement;

“covered transaction” means a cross border transaction covered in the advance pricing arrangement.

Request for pre-filing meeting

4. (1) A taxpayer shall make a request in writing to the Director General for a pre-filing meeting in respect of an advance pricing arrangement twelve months prior to the first day of the proposed covered period.

(2) For the purposes of subrule (1), the taxpayer shall furnish together with the request, a draft outline of the case to the Director General which consist of the following:

- (a) the contemporaneous transfer pricing documentation as specified in the Income Tax (Transfer Pricing) Rules 2023;
- (b) names, addresses and tax file references of taxpayer and other persons involved in the proposed advance pricing arrangement whether in Malaysia or outside Malaysia;
- (c) proposed covered transaction;

- (d) proposed period covered by the advance pricing arrangement;
- (e) the proposed transfer pricing methodology accompanied with an explanation of whether the method accords to the arm's length principle;
- (f) a description of the critical assumptions under which the proposed transfer pricing methodology and analysis relating to the critical assumption will operate and the events that should be taken into account when considering the said assumption;
- (g) financial statements and tax computations that are available at least for the latest three years prior to the application;
- (h) a written indication whether the income in relation to the covered transactions is tax-exempted by the other Competent Authority;
- (i) name, telephone number and e-mail of the contact person of the company; and
- (j) any other details as determined by the Director General.

(3) Upon receiving the draft outline of the case from the taxpayer, the Director General may require the taxpayer to furnish any other information relating to the request for a pre-filing meeting.

(4) The Director General shall notify the taxpayer within fourteen days after the pre-filing meeting of his decision on whether the taxpayer may proceed to submit an application for an advance pricing arrangement.

Submission of application for arrangement

5. (1) Subject to subrule 4(4), a taxpayer may submit to the Director General an application for a unilateral advanced pricing arrangement, bilateral advanced pricing

arrangement or multilateral advanced pricing arrangement in a form under subsection 138c(2) and section 152 of the Act within six months after receipt of the notification.

(2) Upon receipt of the application, the Director General shall consider such application and may propose an alternative methodology, or restrict or expand the scope of the proposed advance pricing arrangement.

(3) For the purposes of subrule (1), the application shall be deemed to have been withdrawn by the taxpayer if the application is not submitted within six months after receipt of the notification of the Director General's decision under subrule 4(4).

(4) Subject to subrule (3), if the taxpayer intends to proceed with the application, the taxpayer shall furnish a new request together with a draft outline specified under subrule 4(2).

Circumstances where advance pricing arrangement is declined

6. (1) The Director General may decline an application for an advance pricing arrangement under any of the following circumstances:

- (a) failure to comply with the requirements under the Income Tax (Transfer Pricing) Rules 2023;
- (b) where the proposed covered transaction is based on a hypothetical situation or not seriously contemplated;
- (c) where it appears to be an inefficient use of resources to pursue an advance pricing arrangement if the proposed transaction is limited in nature and value, or the arm's length principle on the proposed transaction can reliably be applied without material doubt;

- (d) where the matter on which the advance pricing arrangement is sought is subject to an appeal under section 99 of the Act;
- (e) where the proposed covered transaction involves a tax avoidance scheme; or
- (f) where the proposed covered transaction involves improper use or abuse of the application of the arrangement made under section 132 of the Act to obtain unintended benefit.

(2) Where the application for an advance pricing arrangement is declined, the Director General shall inform the taxpayer in writing of his decision to decline the application and grounds for the decline.

(3) The taxpayer may, within thirty days from receipt of the decision under subrule (2), make a representation to the Director General for a review of the application of the taxpayer and the decision by the Director General on the representation shall be final.

Withdrawal of advance pricing arrangement application

7. A taxpayer may withdraw an advance pricing arrangement application at any time before the arrangement is concluded by giving a notice in writing to the Director General.

Power to request further information

8. (1) The Director General or the Competent Authority may, at any time, request the taxpayer to furnish further information and documents which the Director General or Competent Authority considers relevant to the application submitted.

(2) If the request for further information and documents at any stage of the advance pricing arrangement process is not fulfilled within thirty days, the application shall be deemed to have been withdrawn by the taxpayer and if the taxpayer intends to proceed with the application, the taxpayer shall furnish a new request and information under subrule 4(2).

Critical assumptions

9. (1) The taxpayer shall, in his application for an advance pricing arrangement, identify the assumptions made in developing the proposed transfer pricing methodology which are critical to the reliability of the methodology under the arm's length principle.

(2) In this rule, "critical assumption" means any assumed objective criterion that would significantly affect the terms of an advance pricing arrangement if the underlying conditions changed, whether or not the change is within the control of a person which may include any fact or condition about the person, a third party, or an industry, such as a new business strategy or a mode of conducting operations, or the cessation or transfer of a business segment or entity, or circumstances that would materially affect the suitability of the transfer pricing methodology or its application.

Opinion by independent expert

10. (1) The taxpayer may, at his own cost and expense, engage an independent expert, if the taxpayer considers it necessary to advise him on the application for an advance pricing arrangement.

(2) The opinion by the independent expert shall not be binding on the taxpayer, the Director General or the Competent Authority.

(3) In this rule, "independent expert" means a person with specialized skills or knowledge relevant to an advance pricing arrangement.

Effect of advance pricing arrangement

11. Where—

- (a) the Director General and the taxpayer have entered into a unilateral advance pricing arrangement; or
- (b) the Competent Authority has entered into a bilateral advance pricing arrangement or multilateral advance pricing arrangement,

the arrangement shall, during the covered period, constitute a binding undertaking on the parties to the arrangement that the transfer price ascertained for the covered transaction is determined in accordance with the arrangement.

Covered period under advance pricing arrangement

12. The covered period under an advanced pricing arrangement shall be a minimum of three years of assessment and a maximum of five years of assessment.

Request for rollback

13. (1) Subject to subrule (3), a taxpayer may request to the Director General for a rollback of a bilateral advance pricing arrangement or multilateral advance pricing arrangement if—

- (a) the proposed transfer pricing methodology is relevant to the resolution of the transfer pricing issues in the prior years' assessment; and
- (b) the particular facts and circumstances surrounding the prior years' assessment are substantially the same as that of the covered period, subject to verification on audit.

(2) For the purposes of this rule, "rollback" means the application of the terms and conditions of an advance pricing arrangement to prior years' assessment.

(3) A rollback shall be allowed for not more than three years of assessment immediately preceding the covered period.

(4) For the purposes of this rule, rollback shall not be applicable if—

- (a) a tax audit has been conducted by the Director General on the prior years' of assessment;

- (b) a voluntary disclosure for transfer pricing case has been submitted by the taxpayer for the prior years' of assessments;
- (c) the matter on which the advance pricing arrangement is sought has been decided by the Special Commissioners or a court; and
- (d) unless stipulated otherwise in the advance pricing arrangement, the taxpayer has not submitted the amended tax computation for rollback years within thirty days from the date of signing the advance pricing arrangement.

Filing of advance pricing arrangement compliance report

14. (1) Where a taxpayer has entered into an advance pricing arrangement, the taxpayer shall furnish the Director General a compliance report for each year of assessment of the covered period and the report shall be furnished within seven months from the date following the close of the accounting period which constitute the basis period for that year of assessment.

(2) The compliance report referred to in subrule (1) shall include—

- (a) a copy of the relevant audited financial statements of the taxpayer, and in the case of bilateral advance pricing arrangement or multilateral advance pricing arrangement, a similar statement by the other person involved in the covered transaction;
- (b) a copy of report and analysis which consists of the ownership structure of the local and foreign entities involved in the covered transaction, local organisation chart, details of the controlled transactions and details of the covered transaction's flow;
- (c) a report of the relevant covered transaction and the amount required to be reported respectively by the taxpayer and, in the case

of bilateral advance pricing arrangement or multilateral advance pricing arrangement, a similar report by the other person involved in the covered transaction;

- (d) a description of any material changes in the financial or tax accounting methods or principles employed in respect of the covered transaction that differs from the methods or principles stated in the advance pricing arrangement, and where there are no such material changes, an affirmative statement to that effect;
- (e) a description of any failure and the reasons for such failure to meet a critical assumption and where there has been no such failure, an affirmative statement to that effect;
- (f) an analysis of any compensating adjustments required under the advance pricing arrangement, and the manner in which the related payments were or will be made;
- (g) relevant accounting entries in relation to the compensating adjustments for taxpayer and foreign entities to ensure the economic and tax position of the arm's length price is aligned;
- (h) all relevant information and computations necessary to support the application of the transfer pricing methodology for the covered transactions and the results which comply with the transfer pricing methodology for that year of assessment;
- (i) all relevant documents pertaining to the particular circumstances of the taxpayer and the other person involved in the covered transaction; and
- (j) other relevant documents as determined by the Director General.

Compensating adjustments

15. Where the results of the covered transaction is materially different from the advance pricing arrangement, the taxpayer shall make a compensating adjustment to ensure that the results of the covered transaction substantially conforms to the results that would have been arrived at if the transfer pricing methodology agreed to under the advance pricing arrangement is applied.

Review of advance pricing arrangement compliance

16. The Director General shall review the advance pricing arrangement compliance report to establish whether the terms and conditions stated in the arrangement have been complied with

.

Revision of advance pricing arrangement

17. The Director General may revise an advance pricing arrangement under any of the following circumstances:

- (a) failure of the taxpayer to meet the critical assumptions as provided in the arrangement; or
- (b) there has been a change in the law or the arrangement made under section 132 of the Act that affects the advance pricing arrangement.

Cancellation of advance pricing arrangement

18. (1) The Director General or the Competent Authority, as the case may be, may cancel an advance pricing arrangement under any of the following circumstances:

- (a) if any of the person in the covered transaction in respect of that arrangement fails to comply with any terms or conditions of that advance pricing arrangement;
- (b) if any of the person in the covered transaction in respect of that arrangement makes an error or mistake in the advance pricing arrangement application, reports or renewal submissions;

- (c) if any of the person in the covered transaction in respect of that arrangement fails to provide information, documentation and compliance report as required under these Rules;
- (d) if the revised advance pricing arrangement is not concluded; or
- (e) if the bilateral advance pricing arrangement or the multilateral advance pricing arrangement entered into with the other Competent Authority that participates has been cancelled.

(2) The taxpayer may apply to the Director General for the cancellation of the advance pricing arrangement on reasonable grounds.

(3) The Director General or the Competent Authority shall inform the taxpayer or the other Competent Authority of the cancellation in writing and the grounds for the cancellation.

(4) The cancellation shall be effective as of the beginning of the basis period for the year of assessment which relates to the circumstances provided for in subrules (1) and (2).

Revocation of advance pricing arrangement

19. (1) The Director General or the Competent Authority, as the case may be, may revoke an advance pricing arrangement if—

- (a) any of the persons in the covered transaction in respect of that arrangement—
 - (i) makes any misrepresentation, fraud, omission or makes a statement that is false or misleading in the advance pricing arrangement application, reports or renewal submissions; or

(ii) fails to disclose any occurrence of voluntary disclosure, investigation, audit or incentive approval; or

(b) the bilateral advance pricing arrangement or multilateral advance pricing arrangement entered into with the other Competent Authority that participates has been revoked.

(2) The Director General or the Competent Authority shall inform the taxpayer or the other Competent Authority of the revocation in writing and the grounds for the revocation.

(3) The revocation shall be effective from the first day of the first basis period for the year of assessment of the covered period.

Renewal of advance pricing arrangement

20. (1) A taxpayer may request the Director General or the Competent Authority to renew an advance pricing arrangement not later than six months before the expiration of that arrangement by submitting the appropriate supporting documentation similar to those required for the request and application of that arrangement.

(2) The advance pricing arrangement may be renewed under similar terms and conditions if—

(a) there has been no change in the facts and circumstances underlying the advance pricing arrangement;

(b) the critical assumptions as identified by the taxpayer under rule 9 remain valid and relevant; and

(c) the taxpayer has complied with the terms and conditions of the previous advance pricing arrangement.

(3) The Director General or the Competent Authority shall inform the taxpayer of the decision in respect of the request in writing and the grounds for the decision.

(4) Subject to subrule (3), a taxpayer may submit to the Director General an application for renewal of an advance pricing arrangement in a form under subsection 138c(2) and section 152 of the Act within two months after receipt of the Director General's written decision.

(5) An application referred to in subrule (4) shall be deemed to have been withdrawn by the taxpayer if the application is not submitted within the aforementioned two months and if the taxpayer intends to proceed with the application, the taxpayer shall make a fresh request under subrule (6).

(6) A taxpayer may file a fresh request for an advance pricing arrangement if—

- (a) the covered transaction has changed;
- (b) there are material and anticipated changes in fact and circumstances of the covered transaction; or
- (c) a different transfer pricing methodology is proposed.

Confidentiality of information

21. All information obtained by the Director General or the Competent Authority in respect of the advance pricing arrangement process is subject to the confidentiality provisions of the Act and the articles on exchange of information of the arrangement made under section 132 of the Act.

Permanent establishment as a separate entity

22. For the purposes of these Rules, a permanent establishment shall be treated as a distinct and separate entity from its head office and related branches.

Fee and other payment

23. (1) A taxpayer shall pay—

(a) in respect of an application for advanced pricing arrangement under rule 5—

(i) a non-refundable application fee—

(A) of five thousand ringgit which shall accompany the application if the application is made within two months after receipt of the notification under subrule 4(4) of these Rules; or

(B) of ten thousand ringgit which shall accompany the application if the application is made after two months but within six months after receipt of the notification under subrule 4(4) of these Rules; and

(ii) any expenses as the Director General may determine; and

(b) in respect of an application for renewal of advance pricing arrangement under rule 20—

(i) a non-refundable application fee of five thousand ringgit which shall accompany the application; and

(ii) any expenses as the Director General may determine.

(2) Fee and payment specified in paragraphs (1)(a) and (b) shall be payable notwithstanding that the taxpayer withdraws the application.

Revocation

24. The Income Tax (Advance Pricing Arrangement) Rules 2012 [*P.U. (A) 133/2012*] are revoked.

Made 23 May 2023
[MOF.TAX.(S)700-2/1/210; PN(PU2)80/JLD.108]

ANWAR BIN IBRAHIM
Minister of Finance

[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 154(2) of the Income Tax Act 1967]